

Rabu, 20 Mei 2020 | 3:47pm



Tinjauan di Pasar Basah Kipmall, Tampoi mendapati peniaga mematuhi harga maksimum ayam ditetapkan kerajaan. - NSTP/MOHD AZREN JAMALUDIN

Peniaga ayam patuhi harga ditetapkan

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

JOHOR BAHRU: Harga ayam standard di bandar raya ini yang dijual mengikut Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) diumumkan kerajaan semalam, melegakan pengguna setempat.

Tinjauan di Pasar Basah Kipmall, Tampoi mendapati semua 10 peniaga ayam di situ mematuhi harga maksimum ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan dijual pada RM7.50 sekilogram.

Ia berbanding harga ayam standard antara RM8 hingga RM8.50 sekilogram yang dijual di beberapa pasar utama di sini sejak Selasa minggu lalu hingga semalam.

Peniaga daging turut mematuhi harga maksimum ditetapkan dengan daging tempatan dijual pada harga antara RM32 hingga RM34 sekilogram.

Suri rumah, Azlina Mat Rapor, 40, lega apabila harga ayam kini lebih murah berbanding minggu lalu.

"Saya beli dua ekor ayam setiap minggu untuk keluarga dan minggu lalu agak mahal namun tiada pilihan kerana menjadi kegemaran anak.

"Alhamdulillah, minggu ini boleh beli ayam lebih sikit untuk persiapan Aidilfitri," katanya.

Peniaga ayam, Am Azizan, 36, berharap jualan nya meningkat menjelang Aidilfitri minggu depan.

Katanya, kebanyakan peniaga ayam terjejas apabila jualan hasil ternakan segar berkenaan merudum sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 18 Mac lalu.

"Biasanya setiap kali Ramadan, saya menjual purata 500 ekor ayam sehari, tapi sekarang nak jual 150 ekor sehari pun susah.

"Menjelang hari raya selalunya permintaan meningkat dua kali ganda, namun jika melihat sambutan ketika ini memang perlahan.

"Ini mungkin kerana kerajaan tidak membenarkan aktiviti ziarah, kunjung mengunjung dan rumah terbuka menyebabkan pelanggan tidak membeli ayam dalam kuantiti banyak seperti biasa.

"Saya tidak berani membuat tempahan ayam segar banyak daripada pemborong bagi mengelakkan menanggung kerugian jika tidak terjual," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/691055/peniaga-ayam-patuhi-harga-ditetapkan>